

## **BAHAGIAN PELESENAN**

### **SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN KEDAI UBAT DAN FARMASI**

Bil.	Perkara
1.	Semua barang-barang di premis hendaklah diletak / disimpan atas rak-rak / pellet berbahan tahan lama, senang dicuci dan boleh diguna semula seperti besi dan plastik dengan kemas dan teratur.
2.	Tidak dibenarkan meletakkan barang-barang di atas lantai, kaki lima, lorong, jalan, tandas, laluan pekerja / pelanggan, tangga dan pintu keluar / masuk.
3.	Tidak dibenarkan menjual sebarang ubat yang merbahaya dan beracun tanpa kelulusan Kementerian dan MDKS.
4.	Semua ubat yang dijual hendaklah dilabelkan.
5.	Mempamerkan papan tanda “larangan merokok”, “utamakan keselamatan”, “menjaga kebersihan” dan “menggunakan alat pelindungan” yang sempurna dan mencukupi.
6.	Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong-tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih.
7.	Mengadakan tandas lelaki dan perempuan yang berasingan.
8.	Pekerja hendaklah memakai pakaian seragam dan menggunakan alat pelindungan yang sempurna / lengkap / bersih.
9.	Semua premis termasuk kawasan sekitarnya hendaklah bebas daripada serangga dan rodensia / haiwan.
10.	Dinding dalam di tempat pekerjaan / stor premis hendaklah disudahi bahan kalis air yang senang dicuci dan berwarna ringan seperti ubin gerlis, “epoxy”, kaca, marmar, keluli dan bahan yang sama jenisnya.
11.	Mengadakan alat pemadam api yang sempurna dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak bomba.
12.	Mengadakan peti ubat kecemasan yang lengkap dan sesuai.
13.	Mengadakan bilik rawatan / rehat pekerja yang sempurna di dalam premis.
14.	Memberi nama syarikat kutipan sampah kilang yang dilesenkan oleh MDKS.
15.	Menyediakan “locker” untuk setiap pekerja.
16.	Premis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting) yang sempurna dan mencukupi.
17.	Dilarang menggunakan mana-mana bilik / ruang di premis untuk tempat tidur (penginapan) atau untuk makan dan sebagainya tanpa kebenaran MDKS.
18.	Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain di premis tanpa lesen atau kebenaran MDKS.
19.	Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan premis dan persekitarannya.